

16/03/1997

Kerajaan disaran wujud garis panduan etika

ALOR GAJAH: Kerajaan Persekutuan disaran mengadakan perbincangan dengan Singapura bagi mewujudkan garis panduan serta etika yang mengikat pemimpin republik itu daripada terus memburukkan negara ini.

Ini berikutan, Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew hanya memohon maaf selepas menimbulkan kontroversi dengan menghina Johor sebagai 'tempat tembak-menembak, samun dan merampas kereta' dalam affidavit bersumpahannya pada 27 Januari lalu.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani, berkata kenyataan sekadar meminta maaf bukan jalan penyelesaian yang boleh diterima kerana kesannya diterima oleh rakyat serta negara ini.

Sebaliknya, tegas beliau, perlu ada etika yang diwujudkan antara Malaysia dan Singapura supaya perkara berkenaan tidak berulang.

"Memohon maaf bukan penyelesaian muktamad. Perlu diwujudkan etika bagi menjamin tidak berulang. Jika tidak, hari ini buat, esok minta maaf dan ulangi semula, sampai bila-bila pun tidak selesai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Adat Perpatih Naning di sini, semalam.

Menurutnya, jika ada etika, sudah tentu kenyataan dibuat secara berhati-hati dalam mengekalkan semangat setiakawan.

Mohd Zin, yang juga ahli Majlis Tertinggi Umno, berkata Lee seolah-olah mempunyai motif tertentu termasuk kemungkinan cara Singapura hendak menghalang Malaysia daripada menjadi negara yang diterima di peringkat antarabangsa berikutan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Lee juga pernah menimbulkan kontroversi apabila membangkitkan isu meritokrasi kaum apabila menakutkan rakyat Singapura jika tidak menyokong parti pemerintah, kemungkinan republik itu bercantum semula dengan Malaysia.

"Ini seolah-olah menunjukkan Malaysia sebuah negara yang ditakuti dan ini menghina negara," katanya.

Menurutnya, kenyataan terbaru Lee kali ini adalah tidak bertanggungjawab kerana Malaysia mempunyai undang-undang yang menjaga keselamatan sehingga iklim pelaburan bertambah baik.

Katanya, tidak timbul Malaysia sebagai negara tidak selamat kerana ramai pelabur, termasuk dari Singapura, yang melabur di negara ini.

(END)